



## Dasar Privasi

---

### 1. TUJUAN DASAR PRIVASI INI

- 1.1 Dasar Privasi ini ("Dasar Privasi") dikeluarkan oleh Electrolux Home Appliances Sdn. Bhd. dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya (secara individu dan kolektif dirujuk sebagai "Electrolux" atau "kami"). Dasar Privasi ini akan terpakai ke atas produk-produk, perkhidmatan-perkidmatan dan/atau laman-laman web yang disediakan oleh Electrolux.
- 1.2 Electrolux komited dalam melindungi privasi dan data peribadi anda (seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia ("PDPA"). Dasar Privasi ini menjelaskan bagaimana kami mengumpul, menggunakan, menzahirkan dan/atau memproses data peribadi anda. Dasar Privasi ini perlu dibaca bersama dengan [Terma dan Syarat Electrolux](#).
- 1.3 Electrolux merizabkan hak untuk meminda Data Privasi ini dari semasa ke semasa. Kami akan memaklumkan anda mengenai apa-apa perubahan kepada Dasar Privasi ini dengan menerbitkan Dasar Privasi yang telah dikemaskini di Laman kami di <https://www.electrolux.com.my/data-protection-policy/>. Sila semak Laman tersebut atau hantarkan permintaan anda melalui e-mel ke [malaysia.customercare@electrolux.com](mailto:malaysia.customercare@electrolux.com) sekiranya anda ingin menerima Dasar Privasi terkini. "Laman" kami merujuk kepada laman web dan aplikasi atas talian kami.

### 2. MAKLUMMAT YANG KAMI KUMPUL

- 2.1 Secara umumnya, data peribadi yang kami kumpul, guna, zahirkan, proses and/atau simpan adalah termasuk nama, alamat (termasuk alamat e-mel) dan butiran perhubungan anda (yang mungkin termasuk nombor telefon rumah, bisnes dan telefon bimbit). Dalam situasi yang melibatkan produk atau servis tertentu, kami mungkin akan mengumpul data peribadi anda berkenaan dengan produk, perkhidmatan atau jaminan pemberian tersebut. Jenis-jenis data peribadi yang kami kumpul, guna, zahirkan dan/atau proses dalam operasi harian kami atau dalam perjalanan biasa bisnes kami dan, bergantung kepada sifat interaksi antara individu berkenaan dan situasi berkenaan, adalah termasuk:
  - Nama penuh, nombor pengenalan diri individu berkenaan, nombor telefon bimbit/rumah, alamat e-mel peribadi dan/atau alamat rumah;
  - Data kewangan seperti nombor akaun bank dan/atau butiran kad kredit;
  - Foto, imej video atau rakaman suara individu berkenaan;
  - Umur atau tarikh lahir;
  - Pilihan peribadi produk;
  - Pembelian/pertanyaan berkenaan dengan produk dan servis oleh individu tersebut, bersama dengan apa-apa data yang diperlukan bagi tujuan penghantaran, pemberian, penyelenggaraan produk dan perkhidmatan tersebut atau bagi tujuan membalaaskan pertanyaan;
  - Data berkenaan individu yang diberikan kepada Electrolux secara langsung melalui laman web atau secara tidak langsung melalui penggunaan laman web Electrolux, melalui pihak-pihak ketiga Electrolux atau sebaliknya;
  - Data yang diberikan kepada Electrolux melalui saluran-saluran khidmat pelanggan, kaji selidik, lawatan oleh dan kepada wakil Electrolux dari semasa ke semasa;
  - Data daripada akses kepada atau penggunaan premis, kemudahan dan/atau sumber Electrolux;
  - *Cookies, pixel tags, web beacons*, alamat IP and data navigasi.
- 2.2 Maklumat yang kami kumpul daripada anda apabila anda berinteraksi atas talian bersama kami bergantung kepada aktiviti yang anda jalankan di atas Laman tersebut, produk-produk atau perkhidmatan yang anda terima daripada kami dan/atau interaksi anda dengan kami. Dari semasa ke semasa, anda mungkin dapat berinteraksi dengan kami secara tanpa dikenali atau dengan menggunakan nama samaran.

- 2.3 Anda tidak diwajibkan untuk memberi apa-apa data peribadi yang kami minta. Walau bagaimanapun, sekiranya anda memilih untuk tidak memberikan kepada kami data peribadi tertentu, kami mungkin tidak dapat memproses permintaan anda, dan/atau memberikan anda produk atau perkhidmatan yang bergantung pada keupayaan kami untuk mengumpul, menggunakan, menzahirkan atau process yang mana memerlukan, data peribadi anda. Kami juga mungkin tidak akan dapat memberikan balasan kepada pertanyaan anda atau arahan anda tanpa data peribadi anda.
- (I) MELAYARI LAMAN DAN MENGGUNAKAN PRODUK KAMI
- 2.4 Apabila anda mengunjungi atau melayari Laman kami atau menggunakan produk-produk kami, kami akan mengumpul data bagi tujuan statistik dan penyelenggaraan yang membolehkan kami untuk menilai prestasi Laman atau produk kami. Maklumat am tersebut termasuk:-
- bilangan pengguna yang melawati Laman kami atau menggunakan produk kami dan bilangan halaman yang dikunjungi;
  - tarikh, masa dan tempoh masa kunjungan;
  - laluan yang digunakan di dalam Laman kami.
- Maklumat tersebut tidak akan mengenal pasti identiti anda dan kami tidak akan menggabungkannya dengan apa-apa maklumat yang akan membolehkan kami mengenal pasti identiti anda.
- (II) MEMBUAT PERMOHONAN UNTUK SESUATU PRODUK ATAU PERKHIDMATAN, MEMINTA MAKLUMAT ATAS TALIAN ATAU MENGGUNAKAN "HUBUNGI KAMI"
- 2.5 Apabila anda berinteraksi dengan kami untuk perkara-perkara yang mana secara logiknya data peribadi anda akan diperlukan oleh kami bagi tujuan pemprosesan interaksi, permintaan atau aktiviti anda, kami perlu mendapatkan data peribadi daripada anda untuk memenuhi interaksi tersebut, contohnya aplikasi atas talian untuk produk atau perkhidmatan yang telah anda perolehi atau sedang perolehi daripada kami ("**Pendaftaran Produk**"). Semasa melengkapkan proses Pendaftaran Produk atau meminta maklumat produk atau perkhidmatan lain atau semasa menggunakan fungsi [hubungi kami](#) di atas Laman kami, anda mungkin akan diminta untuk melengkapkan satu borang atas talian di dalam Laman tersebut. Borang atas talian ini akan meminta anda untuk memberikan data peribadi, di mana data peribadi tersebut akan/mungkin akan dikumpulkan, digunakan, dizahirkan dan/atau diproses oleh kami bagi satu atau lebih Tujuan-Tujuan (yang ditakrifkan di bawah) dan/atau apa-apa tujuan lain yang dinyatakan di dalam borang tersebut. Anda mempunyai pilihan sama ada untuk memberikan data peribadi atau untuk tidak memberikan data peribadi anda, walau bagaimanapun jika data peribadi tertentu yang diperlukan tidak diberikan kepada kami, ianya bermaksud bahawa kami mungkin tidak dapat memproses permintaan anda atau transaksi yang berkenaan.
- (III) E-MEL
- 2.6 Anda boleh [menghubungi kami](#) menerusi e-mel melalui pautan di dalam Laman ini. Dalam keadaan sedemikian, anda mempunyai pilihan sama ada untuk memberikan data peribadi selain daripada nama dan alamat emel anda.
- (IV) PRIVASI KANAK-KANAK
- 2.7 Laman ini tidak bertujuan untuk penggunaan individu yang di bawah umur 18 tahun. Kami tidak pernah dan tidak berniat untuk, menjalankan mana-mana transaksi melalui Laman ini secara langsung dengan, atau menjual atau menghantar apa-apa barang yang dipesan melalui Laman ini secara langsung kepada, sesiapa yang kami mengetahui berusia di bawah umur 18 tahun. Sekiranya anda di bawah umur 18 tahun, anda patut menggunakan Laman ini hanya dengan penglibatan oleh atau menerusi ibu bapa atau penjaga anda sahaja dan tidak patut menghantar apa-apa data peribadi kepada kami. Dengan memberikan data peribadi anda kepada kami, anda mengesahkan bahawa anda berumur 18 tahun ke atas dan bersetuju dengan terma-terma yang dinyatakan di dalam Dasar Privasi ini.

### 3. CARA KAMI MENGUMPUL DATA PERIBADI

- 3.1 Electrolux mengumpul data peribadi melalui beberapa cara, termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan-keadaan berikut:
- apabila anda meminta maklumat berkenaan dengan sesuatu produk yang menarik minat anda, membuat pertanyaan lain atau membuat pesanan untuk produk atau perkhidmatan kami;

- apabila anda berinteraksi dengan kami, contohnya melalui pusat panggilan pelanggan kami atau dengan juruteknik kami semasa lawatan tapak, atau melalui akses and penggunaan Laman, atau perkhidmatan atas talian dan telefon kami;
  - apabila anda membeli atau mendaftar jaminan untuk, produk dan/atau perkhidmatan Electrolux;
  - apabila anda menghadiri acara, mengambil bahagian dalam pertandingan atau menyertai promosi, yang dianjurkan atau dikendalikan oleh kami;
  - apabila anda mendaftarkan pembelian anda untuk membolehkan anda menerima manfaat hasil daripada pembelian anda;
  - apabila anda memasukkan butiran peribadi anda di laman web kami (contohnya apabila anda mendaftarkan diri untuk menerima surat berita kami), apabila anda memberikan maklumat melalui telefon atau di dalam dokumen seperti borang pendaftaran jaminan;
  - apabila anda mendaftarkan diri sebagai ahli kelab kesetiaan atau program keahlian;
  - apabila anda memberikan maklum balas mengenai produk atau perkhidmatan kami, atau apabila anda melengkapkan apa-apa borang permohonan, pesanan pembelian, soal selidik atau kaji selidik, atau mengambil bahagian dalam pertandingan kami;
  - apabila anda menghubungi kami menerusi media sosial, seperti menulis di halaman Facebook kami;
  - daripada pihak ketiga seperti syarikat-syarikat berkaitan, kontraktor dan ejen kami;
  - dari sumber maklumat yang tersedia kepada orang awam;
  - dari rekod yang berkaitan dengan penggunaan, perkhidmatan dan pemberian produk Electrolux anda;
  - apabila anda memberikan kami data peribadi anda; dan
  - dari Laman kami yang lain.
- 3.2 Apa-apa maklumat yang tidak dapat mengenal pasti identiti anda, seperti bilangan pengguna yang melawat Laman ini, akan dikumpul menerusi kod yang di tertanam di dalam halaman-halaman Laman ini. Anda tidak boleh menyahaktifkan kod tersebut di dalam halaman-halaman ini.
- 3.3 Maklumat-maklumat lain, seperti jenis pelayar, akan dimasukkan ke dalam "cookie". *Cookies* adalah cebisan maklumat yang boleh dipindahkan oleh laman web ke dalam pemacu keras komputer untuk tujuan penyimpanan rekod. *Cookies* membolehkan anda menggunakan Laman kami dengan lebih mudah dengan menyimpan maklumat tentang pilihan anda di dalam laman web tertentu. Ini akan membolehkan anda untuk memanfaatkan dengan sepenuhnya perkhidmatan yang ditawarkan kepada anda. Penggunaan *cookie* adalah satu standard industri yang digunakan oleh kebanyakan laman-laman web utama. Kebanyakan pelayar telah ditetapkan untuk menerima *cookie*. Sekiranya anda tidak ingin menerima *cookies* anda boleh menukar tetapan pelayar anda intuk menyahaktifkan *cookies* atau untuk memberi amaran apabila *cookies* digunakan.
- 3.4 Kami mungkin akan menggunakan *cookie* untuk mengenal pasti anda berbanding pengguna Laman yang lain. Seperti yang dinyatakan di atas, *cookie* adalah satu fail kecil yang mengandungi huruf dan nombor yang kami simpan di dalam pelayar anda atau pemacu keras komputer atau peranti anda. Anda boleh menyekat atau menyahaktifkan *cookies* di tetapan pelayar anda. Kami menggunakan *cookies* log-masuk untuk mengingati anda apabila anda telah log-masuk untuk memberikan anda pengalaman yang lancar. Kami menggunakan *session cookies* untuk mengesan pergerakan anda dari halaman ke halaman dan untuk menyimpan input pilihan anda supaya anda tidak sentiasa diminta untuk memasukkan maklumat yang sama. Laman ini menggunakan Google Analytics, yang merupakan salah satu solusi analitik yang paling meluas dan paling dipercayai di dalam web untuk membantu kami memahami bagaimana anda menggunakan Laman ini dan cara untuk kami meningkatkan kualiti pengalaman anda. *Cookies* ini mungkin akan menjelaki perkara seperti masa yang anda luangkan di Laman ini dan halaman yang anda lawati supaya kami boleh terus menghasilkan kandungan yang menarik. Dengan terus menggunakan Laman ini, anda bersetuju dengan penggunaan *cookies* di dalam Laman ini seperti yang dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa kami tidak mempunyai kawalan ke atas *cookies* yang digunakan oleh pihak ketiga. Bagi maklumat lanjut mengenai jenis *cookies* dan cara mereka berfungsi, sila layari [www.allaboutcookies.org](http://www.allaboutcookies.org).
- 3.5 Kami mungkin akan menggunakan *flash cookies*. "*Flash Cookie*" (juga dikenali sebagai Local Shared Objects atau "LSOs") adalah fail data seperti *cookie*, tetapi mereka boleh menyimpan data yang lebih kompleks. *Flash Cookies* digunakan untuk mengingati tetapan, pilihan, dan penggunaan, terutamanya untuk video, permainan interaktif, dan perkhidmatan lain yang sepertinya. Kami mungkin akan menggunakan *web beacon*. *Web beacon* adalah imej grafik kecil di dalam laman web atau di dalam e-mel yang boleh digunakan untuk perkara seperti merekod halaman-halaman dan iklan yang ditekan oleh pengguna, atau menjelaki prestasi kempen pemasaran e-mel. Kami mungkin akan menggunakan tag analitik. Sekiranya digunakan, kami akan menggunakan tag analitik tersebut untuk mengkaji apa yang pelanggan kami suka lakukan dan keberkesanannya ciri-ciri dan iklan kami. Mereka juga akan

membantu kami menyesuaikan pengalaman pelayaran dan beli-belah anda. Kami mungkin akan menggunakan maklumat yang dikumpulkan melalui tag analitik atau pautan yang dikesan, bersama dengan data peribadi anda bagi Tujuan-Tujuan tersebut. Kami juga mungkin akan menggabungkan data peribadi anda yang diberikan kepada kami bersama dengan data peribadi anda yang lain (seperti sejarah pembelian dan maklumat demografik) bagi mencapai Tujuan-Tujuan tersebut.

- 3.6 Laman ini mungkin akan meletakkan *hyperlink* yang membolehkan anda mengakses beberapa laman web dan aplikasi atas talian yang lain yang dikendalikan oleh Electrolux atau syarikat-syarikat yang berkaitan kami. Laman-laman web dan aplikasi atas talian Electrolux yang lain ini akan tertakluk kepada dasar privasi khusus mereka dan sekiranya tiada, akan tertakluk kepada Dasar Privasi ini. Di mana Laman ini meletakkan *hyperlink* ke laman web pihak ketiga yang tidak dikendalikan oleh Electrolux, kami mengesyorkan supaya anda membaca peruntukan-peruntukan berkaitan privasi dan keselamatan yang terpakai kepada laman-laman tersebut untuk memahami bagaimana organisasi tersebut akan menggunakan data peribadi anda. Kami tidak bertanggungjawab untuk kandungan atau amalan privasi laman web pihak ketiga tersebut.

#### **4. TUJUAN-TUJUAN PENGUMPULAN, PENGGUNAAN, PENZAHIRAN DAN PEMPROSESAN DATA PERIBADI ANDA**

---

- 4.1 Electrolux akan/mungkin akan mengumpul, menggunakan, menzahirkan dan/atau memproses data peribadi anda untuk satu atau lebih tujuan di bawah:

- a. mentadbir, memudahkan, memproses dan/atau berurusan dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan penggunaan atau akses anda di Laman ini, termasuk mengenalpasti anda bagi tujuan log-masuk ke Laman ini, portal-portal kami dan perkhidmatan atas talian yang disediakan oleh kami atau bagi pihak kami. Tanpa mengehadkan pemakaian am perkara di atas, sekiranya anda:
  - (i) mendapatkan akses kepada atau log-masuk kepada Laman, menggunakan akaun log-masuk Laman Rangkaian Sosial; atau
  - (ii) menggunakan mana-mana ciri Laman Rangkaian Sosial seperti *widgets*, *plug-in*, dan pemberitahuan *push* pelayar, yang disediakan untuk anda di Laman ini,

ini boleh menyebabkan maklumat atau data peribadi anda dikumpul dan dikongsi antara kami dan pihak ketiga. Contohnya, sekiranya anda menggunakan fungsi "Like" di Facebook, Facebook mungkin akan mendaftarkan fakta bahawa anda telah "Like" sesuatu produk dan mungkin akan menyiarkan maklumat tersebut di Facebook. ("**Laman Rangkaian Sosial**" merujuk kepada platform atas talian atau digital yang dimiliki atau dikendalikan oleh pihak ketiga, yang digunakan untuk membina rangkaian atau perhubungan sosial, atau untuk berinteraksi, bersama orang lain, seperti tetapi tidak terhad kepada Facebook, Instagram, Twitter). Dengan meneruskan penggunaan anda seperti (i) dan (ii) di atas, anda bersetuju kepada pengumpulan, penggunaan atau penzahiran data peribadi anda.

- b. memantau, memproses dan/atau menjalani penggunaan anda di Laman untuk memberikan anda pengalaman yang lancar, memudahkan atau mentadbir penggunaan Laman ini, dan/atau membantu kami meningkatkan pengalaman anda dalam menggunakan Laman ini;
- c. menilai dan memproses permintaan anda untuk pembelian dan/atau langganan kepada produk dan/atau perkhidmatan kami;
- d. Memproses bayaran untuk pembelian produk dan/atau perkhidmatan kami (termasuk tetapi tidak terhad kepada kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang dijalankan ke atas produk);
- e. mendaftarkan anda sebagai pelanggan Electrolux dan/atau untuk menguruskan, memproses dan/atau mentadbir akaun anda yang dibuka bersama kami, sama ada akaun keahlian atau sebaliknya, termasuk untuk memudahkan transaksi anda atau aktiviti dalam Laman, atau transaksi atau aktiviti bersama kami, atau pendaftaran jaminan untuk produk/perkhidmatan kami yang telah anda peroleh, beli, atau guna;
- f. mentadbir, memudahkan, memproses dan/atau berurusan mengenai hubungan anda dengan kami, apa-apa transaksi, atau aktiviti yang dijalankan oleh anda di dalam Laman ini atau di cawangan kedai kami. Ini termasuk memprosesan aplikasi, pesanan dan transaksi pembayaran anda; melaksanakan transaksi dan pembekalan produk dan/atau perkhidmatan kepada anda menurut permintaan anda. Tanpa mengehadkan pemakaian am perkara di atas, sekiranya anda

membuat pembelian yang perlu dihantar kepada penerima pihak ketiga, anda bersetuju bagi kami menzahirkan data peribadi anda kepada penerima pihak ketiga tersebut (seperti tetapi tidak terhad kepada nama anda). Selanjutnya, anda mengakui dan bersetuju bahawa penghantaran pembelian anda mungkin akan melibatkan penzahiran data peribadi tertentu anda untuk memastikan penghantaran pembelian tersebut adalah berdasarkan nama dan butiran anda, yang mungkin akan dizahirkan di sampul bungkusan, pada sampul surat atau dokumen berkaitan penghantaran, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang boleh dilihat oleh pihak ketiga yang melihat bungkusan, sampul surat atau dokumen tersebut;

- g. melaksanakan arahan anda atau memberi maklum balas kepada sebarang pertanyaan yang diajukan oleh (atau yang dikatakan telah diberikan oleh) anda atau bagi pihak anda termasuk memberi maklum balas kepada pertanyaan dan aduan perkhidmatan pelanggan anda; atau memberi maklum balas kepada atau menguruskan interaksi anda dengan kami;
- h. menghubungi anda atau berkomunikasi dengan anda menerusi telefon/panggilan suara, mesej teks dan/atau e-mel dan/atau surat pos untuk tujuan pentadbiran dan/atau pengurusan penggunaan Laman oleh anda, keahlian dan/atau akaun anda bersama kami, hubungan anda dengan kami atau sebarang transaksi yang dibuat oleh anda dengan kami. Anda mengakui dan bersetuju bahawa komunikasi sedemikian boleh dibuat oleh kami melalui penghantaran surat, dokumen atau notis kepada anda, yang mungkin akan melibatkan penzahiran data peribadi tertentu mengenai anda untuk memastikan penyampaian tersebut dan juga di penutup luaran sampul/pakej mel;
- i. menyediakan perkhidmatan kepada anda sebagai pemegang akaun kami, sebagai pelanggan kami, sebagai ahli kesetiaan kami atau program lain atau apabila diminta oleh anda; menguruskan atau mentadbir penyertaan anda dalam pertandingan, *gamification*, acara sosial yang dianjurkan oleh kami;
- j. berkongsi atau menzahirkan (menurut budi bicara kami) cadangan, ulasan, maklum balas atau apa-apa kandungan (termasuk audio, video dan lain-lain) anda (secara kolektif "**Maklum Balas**") yang anda berikan menerusi Laman Rangkaian Sosial, Laman kami atau kepada kami (termasuk di cawangan-cawangan kedai kami), dengan pengguna lain Laman tersebut atau kepada orang ramai, untuk tujuan publisiti dan/atau promosi dengan tujuan untuk memasarkan atau memperoleh pelanggan, produk atau perkhidmatan Electrolux, dan/atau memperoleh pelanggan, dan/atau untuk tujuan memberikan Maklum Balas anda kepada orang ramai yang mana mungkin berguna dan membantu dalam keputusan pembelian orang ramai atau untuk maklumat awam atau sebaliknya. Ini termasuk apabila kami menzahirkan nama anda bersama-sama dengan Maklum Balas anda. Tanpa mengehadkan pemakaian am perkara di atas, berhubungan ini, Maklum Balas dan nama anda mungkin akan/akan diterbitkan atau dikongsi oleh kami di platform media awam seperti akhbar, Internet, dalam laporan tahunan kami (termasuk afiliasi kami) (jika ada) dan lain-lain, dan/atau dimasukkan sebagai sebahagian daripada sampingan/bahan pemasaran Electrolux atau video korporat untuk diberikan kepada orang awam, dan anda dengan ini bersetuju dengan perkara yang sama. Jangan berikan Maklum Balas sekiranya anda tidak ingin Maklum Balas tersebut dizahirkan kepada orang ramai. Jika anda ingin memberikan Maklum Balas anda tanpa ia dizahirkan kepada orang ramai, sila e-mel secara berasingan email Jabatan Perkhidmatan Pelanggan kami di [malaysia.customercare@electrolux.com](mailto:malaysia.customercare@electrolux.com) dan dahulukan subjek e-mel anda dengan perkataan "Sulit";
- k. memahami minat anda, sebarang kemosyikilan dan pilihan anda;
- l. untuk mematuhi atau menguatkuasakan terma dan syarat mana-mana kontrak atau perjanjian yang dibuat oleh atau bagi pihak Electrolux (dan/atau entiti bersekutu dengannya) yang mana Electrolux (dan/atau entiti yang bersekutu dengannya) akan sebaliknya terikat atau diwajibkan untuk mematuhi;
- m. mengenal pasti anda dan membantu anda dalam penggunaan produk, perkhidmatan dan laman web kami;
- n. untuk tujuan pemasaran dan dalam hal ini, kami akan membekalkan anda dengan maklumat pemasaran, pengiklanan dan promosi, bahan dan/atau dokumen yang berkaitan dengan produk, pertandingan, perkhidmatan dan/atau acara (termasuk daripada organisasi pihak ketiga yang Electrolux mungkin bekerjasama dengan) di mana Electrolux (termasuk syarikat sekutu/syarikat yang berkaitannya) atau organisasi pihak ketiga sedemikian mungkin akan menjual, memasarkan, menawarkan, menganjurkan, terlibat dalam atau mempromosikan, sama ada

produk, perkhidmatan dan/atau anjuran sedemikian sedia ada pada masa kini atau akan diwujudkan di masa hadapan, dan sama ada melalui panggilan suara, mesej teks, surat pos, penghantaran elektronik ke alamat e-mel anda, pemberitahuan *push*, jenis pemberitahuan dalam-aplikasi lain atau dengan memanfaatkan teknologi lain (seperti teknologi geo-lokasi) untuk aplikasi mudah alih kami ("App") pada peranti mudah alih anda atau teknologi lain pada komputer anda, dan/atau melalui bentuk komunikasi lain yang mematuhi undang-undang perlindungan data tempatan yang terpakai (iaitu PDPA). Anda boleh memilih keluar atau menarik diri daripada fungsi ini pada bila-bila masa dengan menghantar e-mel kepada Pegawai Perlindungan Data kami. Untuk mengelakkan keraguan, permohonan anda atau penerimaan atau persetujuan anda terhadap, Dasar Privasi ini, merupakan persetujuan anda kepada subperenggan (n) ini.

Untuk mengelakkan keraguan, subperenggan ini tidak menjelaskan subperenggan (r) di bawah di mana anda dengan ini bersetuju kepada kami menghubungi anda untuk tujuan kaji selidik, yang mana anda kemudiannya boleh menarik diri dengan menghantar notis kepada Pegawai Perlindungan Data kami;

- o. menjalankan ketekunan wajar atau aktiviti pemeriksaan lain (termasuk pemeriksaan latar belakang) selaras dengan kewajipan undang-undang atau regulatori (sama ada Malaysia atau negara asing) yang terpakai ke atas kami atau syarikat gabungan/syarikat bersekutu kami, garis panduan atau keperluan yang ditetapkan pihak berkuasa kerajaan (sama ada Malaysia atau negara asing) yang kami telah tentukan akan terpakai kepada kami atau syarikat gabungan/syarikat bersekutu kami, dan/atau prosedur pengurusan risiko kami yang mungkin dikehendaki oleh undang-undang (sama ada Malaysia atau negara asing) atau yang mungkin telah disediakan oleh kami atau syarikat gabungan/syarikat bersekutu kami;
- p. untuk mengelakkan atau menyiasat apa-apa pemalsuan atau penipuan, aktiviti yang menyalahi undang-undang atau peninggalan atau salah laku, sama ada disyaki atau tidak; berurusan dengan konflik kepentingan; atau berurusan dengan dan/atau menyiasat aduan;
- q. mematuhi dengan atau di mana diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang, perintah mahkamah, perintah badan regulatori, kerajaan atau keperluan regulatori, bagi mana-mana bidang kuasa yang terpakai ke atas kami atau syarikat gabungan/syarikat bersekutu kami, termasuk memenuhi keperluan untuk membuat penzahiran di bawah keperluan mana-mana undang-undang yang mengikat kami atau syarikat gabungan/syarikat bersekutu kami, dan/atau untuk tujuan mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa regulatori atau pihak berkuasa lain (sama ada di Malaysia atau di tempat lain), yang mana kami atau syarikat gabungan/syarikat bersekutu kami perlu patuhi;
- r. mematuhi atau sebagaimana yang dikehendaki oleh apa-apa permintaan atau arahan mana-mana pihak berkuasa kerajaan (sama ada Malaysia atau negara asing) yang kami perlu patuhi; atau memberi maklum balas kepada permintaan maklumat dari agensi awam, kementerian, lembaga berkanun atau pihak berkuasa yang serupa (sama ada Malaysia atau negara yang lain). Untuk mengelakkan keraguan, ini bermakna kami boleh/akan menzhirikan data peribadi anda kepada pihak-pihak berkenaan atas permintaan atau arahan mereka;
- s. menjalankan penyelidikan (termasuk penyelidikan pelanggan), kaji selidik, kaji selidik pasaran, analisis dan/atau aktiviti pembangunan (termasuk tetapi tidak terhad kepada analisis data, kaji selidik dan/atau pemprofilan) untuk mempertingkatkan taraf perkhidmatan dan kemudahan kami, atau untuk mempertingkatkan pemahaman kami tentang minat, kemusykilan dan pilihan anda, untuk terus mempertingkatkan sebarang interaksi yang berterusan antara diri anda dan kami yang berkaitan atau berkenaan dengan Laman ini, atau memperbaiki sebarang produk atau perkhidmatan kami. Tanpa mengehadkan pemakaian am perkara di atas, kami mungkin akan/akan dalam hal ini menghantar kaji selidik atau meminta temu duga secara bersempena atau temu duga menerusi telefon, e-mel atau mel pos;
- t. menyimpan, mengehos (*hosting*), membuat sandaran (*Backing up*) (sama ada untuk pemulihan bencana atau sebaliknya) data peribadi anda, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- u. memudahkan, berurusan dengan dan/atau mentadbir audit luaran atau audit dalaman perniagaan Electrolux atau syarikat gabungan/syarikat bersekutu kami;
- v. untuk menghasilkan laporan berkenaan dengan transaksi kami bersama anda, dan/atau untuk menghasilkan statistik dan penyelidikan transaksi sedemikian untuk keperluan laporan dalaman dan/atau undang-undang dan/atau penyimpanan rekod;

- w. menyelenggara dan membangunkan sistem dan infrastruktur perniagaan kami termasuk menguji dan menaik taraf sistem-sistem ini;
- x. berurusan dengan dan/atau memudahkan transaksi aset perniagaan atau transaksi aset perniagaan yang berpotensi, di mana transaksi tersebut melibatkan Electrolux sebagai peserta atau hanya melibatkan syarikat berkaitan atau syarikat sekutu Electrolux sebagai peserta atau melibatkan Electrolux dan/atau satu atau lebih syarikat berkaitan atau syarikat sekutu Electrolux sebagai peserta, dan mungkin terdapat organisasi pihak ketiga yang lain yang terlibat dalam transaksi tersebut. "**transaksi aset perniagaan**" bermaksud pembelian, penjualan, pajakan, penggabungan atau amalgamasi atau apa-apa pengambilalihan, pelupusan atau pembiayaan organisasi atau sebahagian daripada sesuatu organisasi atau mana-mana perniagaan atau aset sesuatu organisasi;
- y. perbuatan menganonimkan (*anonymization*) data peribadi anda. Dalam hal ini, anda mengaku bahawa data peribadi yang telah dianonimkan tidak lagi dianggap data peribadi dan keperluan undang-undang perlindungan data tempatan yang berkenaan (iaitu PDPA) tidak akan terpakai lagi ke atas data yang telah dianonim tersebut;
- z. untuk tujuan menyediakan laporan syarikat Electrolux, Kumpulan Syarikat Electrolux atau syarikat induk Electrolux termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan mengenai prestasi perniagaan Electrolux ("Kumpulan Syarikat Electrolux" bermaksud Electrolux, syarikat gabungan, syarikat berkaitan dan syarikat bersekutu di seluruh dunia); termasuk menghasilkan statistik dan penyelidikan untuk keperluan dalaman dan/atau laporan dan/atau keperluan penyimpanan rekod, bagi Electrolux atau syarikat-syarikat gabungan/berkaitannya; dan/atau
- aa. menguruskan atau sebagai sebahagian daripada kebankrapan, penggulungan, penyusunan semula, penstruktur semula, insolvensi, dalam kuasa penerima, atau penyerahan hak untuk manfaat pembiutang, Electrolux.

(tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas dirujuk secara kolektif sebagai "**Tujuan-Tujuan**").

- 4.2 Merujuk kepada tujuan pemasaran di perenggan 4.1(n) di atas, anda boleh memberi notis kepada kami pada bila-bila masa sekiranya anda tidak lagi ingin menerima apa-apa komunikasi pemasaran dan memilih untuk tidak menerima komunikasi tertentu dengan membalaik kepada saluran dari mana anda menerima komunikasi pemasaran tersebut, atau dengan menghubungi kami mengikut butiran yang berada di dalam perenggan 10. Jika anda telah memasang App dan anda ingin berhenti menerima pemberitahuan *push*, anda boleh melakukannya dengan menukar tetapan pada telefon mudah alih anda atau dalam App tersebut.
- 4.3 Untuk mengelakkan keraguan, anda mengaku dan bersetuju dengan perkongsian maklumat anonim oleh Electrolux dengan pihak ketiga. Untuk mengelakkan lagi keraguan, undang-undang perlindungan data tempatan yang terpakai (iaitu PDPA) tidak akan terpakai kepada data anonim yang tidak mengenal pasti identiti individu dan undang-undang perlindungan data tempatan yang terpakai (iaitu PDPA) tidak memberi anda hak untuk membantah organisasi yang mengendalikan atau memproses data anonim.

## **5. BAGAIMANA DATA PERIBADI ANDA DISIMPAN, DIKENDALIKAN DAN DIURUSKAN**

---

- 5.1 Electrolux mengambil langkah berhati-hati untuk melindungi privasi anda. Dalam hal ini, kami akan mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan data peribadi anda disimpan secara rahasia dan selamat, dan mengambil langkah teknikal dan organisasi yang sesuai untuk melindungi data peribadi anda daripada pemusnahan yang tidak sah atau tidak sengaja, kerugian tidak sengaja, pengumpulan, penggunaan dan penzahiran yang tidak dibenarkan, akses, penyalinan, pengubahsuai, kebocoran, kerosakan, perubahan atau bentuk pemprosesan yang menyalahi undang-undang.
- 5.2 Sebarang maklumat yang diberikan kepada kami di Laman ini dilindungi menggunakan protokol Lapisan Soket Selamat (*Secure Sockets Layer*).
- 5.3 Di mana kami memindahkan maklumat dari pelayan kami ke komputer kerangka utama kami, kami menggunakan semua usaha yang munasabah untuk memastikan bahawa ini dilakukan dengan selamat. Akses ke komputer kerangka utama kami dilindungi oleh sistem keselamatan *firewall* apabila diperlukan, berpatutan dengan risiko maklumat yang disimpan. Di samping itu, Laman ini mempunyai

Sistem Pengesahan Internet (*Internet Detection System*) untuk memantau potensi ancaman privasi dan keselamatan.

- 5.4 Apa-apa maklumat yang disimpan di dalam dokumen atau sistem Electrolux dilindungi daripada akses tanpa kebenaran dengan menggunakan beberapa prosedur keselamatan termasuk kata laluan pengguna.
- 5.5 Harap maklum bahawa penghantaran data melalui internet tidak pernah benar-benar selamat, dan sementara kami berusaha untuk menggunakan usaha terbaik kami untuk menjamin dan melindungi maklumat tersebut, kami tidak dapat menjamin keselamatan apa-apa maklumat yang diberikan atau dihantar kepada kami oleh anda. Apa-apa maklumat yang dihantar sedemikian adalah di bawah risiko anda secara sendiri.
- 5.6 Kami juga akan mengambil langkah-langkah supaya data peribadi anda dalam milik kami atau di bawah kawalan kami dimusnahkan dan/atau dianonimkan sebaik sahaja ia munasabah untuk mengandaikan bahawa (i) tujuan yang mana data peribadi itu dikumpulkan tidak lagi dicapai dengan pengekalan data peribadi tersebut; dan (ii) pengekalan tidak lagi diperlukan untuk sebarang tujuan undang-undang atau perniagaan.

## **6. SITUASI DIMANA KAMI AKAN ZAHIRKAN DATA PERIBADI ANDA**

- 6.1 Electrolux mungkin akan/akan menzahirkan data peribadi anda kepada organisasi pihak ketiga di luar Electrolux termasuk kepada ahli gabungan Electrolux, dan organisasi tersebut mungkin terletak (dan data peribadi anda boleh dizahirkan) di luar negara dan di luar Malaysia, untuk tujuan satu atau lebih perkara daripada Tujuan-Tujuan di atas, oleh sedemikian pihak ketiga tersebut, akan memproses data peribadi anda untuk satu atau lebih Tujuan-Tujuan di atas. Dalam hal ini, anda dengan ini mengakui, bersetuju dan memberi kebenaran bahawa kami boleh menzahirkan data peribadi anda kepada pihak ketiga tersebut (sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia) untuk satu atau lebih Tujuan-Tujuan di atas dan bagi pihak ketiga tersebut untuk mengumpul, menggunakan, menzahirkan dan/atau memproses data peribadi anda untuk satu atau lebih Tujuan-Tujuan di atas. Penzahiran ini dibuat tertakluk kepada perlindungan yang sewajarnya untuk menjamin privasi dan kerahsiaan. Organisasi pihak ketiga yang lazimnya kami dedahkan maklumat anda termasuk:
  - organisasi pihak ketiga yang dikawal oleh Electrolux untuk membantu kami memberikan perkhidmatan kepada anda termasuk penghantaran, pemasangan, penyelenggaraan dan khidmat membaiki;
  - pembekal, ejen dan pihak ketiga lain yang mempunyai hubungan komersial, perniagaan, pemasaran dan tujuan lain yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada mereka yang menyediakan perkhidmatan admin atau perkhidmatan lain seperti pusat mel, pusat panggilan, syarikat telekomunikasi, bank, syarikat-syarikat logistik, teknologi maklumat atau syarikat perisian dan pusat data;
  - pembekal perkhidmatan penyelidikan pasaran, pemasaran dan/atau telemarketing;
  - penasihat profesional kami, sebagai contoh, juruaudit dan peguam kami, serta syarikat insurans kami;
  - organisasi kerajaan, pihak berkuasa regulatori atau organisasi lain yang mana kami diwajibkan di bawah undang-undang untuk menzahirkan data peribadi anda;
  - syarikat berkaitan, sekutu dan rakan kongsi produk kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada, apabila kami menerima aduan atau tuntutan produk, contohnya, kepada pengilang di bawah kontrak kami, pembekal perkhidmatan logistik atau pihak ketiga lain dalam rantaian bekalan, yang mungkin terletak di luar negara, bergantung kepada di mana produk atau bahagian yang berkaitan dihasilkan;
  - mana-mana pemegang serahhak atau penerima pindahan yang sah atau dicadang bagi perniagaan Electrolux, atau entiti yang digabungkan sekiranya Electrolux digabungkan untuk mewujudkan entiti yang tergabung itu;
  - pihak ketiga terlibat dalam aktiviti penzahiran oleh Electrolux untuk satu atau lebih Tujuan-Tujuan dan pihak ketiga sedemikian akan mengumpul dan memproses data peribadi anda untuk satu atau lebih Tujuan-Tujuan.
- 6.2 Kami mungkin menzahirkan data peribadi anda kepada ahli-ahli kumpulan syarikat Electrolux (dan rakan kongsi mereka) di luar negara, yang mungkin akan menyampaikan komunikasi kepada anda mengenai produk tertentu atau tawaran istimewa, untuk satu atau lebih Tujuan-Tujuan di atas.
- 6.3 Kami mungkin akan menzahirkan maklumat anda kepada entiti yang membeli atau pengganti kami berkaitan dengan penjualan Electrolux atau badan korporat yang berkaitan, atau unit perniagaan yang

dimiliki oleh Electrolux atau badan korporat yang berkaitan, atau penjualan sebahagian besarnya aset Electrolux atau badan korporat yang berkaitan.

- 6.4 Di mana data peribadi anda akan dipindahkan keluar dari Malaysia, kami akan mematuhi kehendak-kehendak undang-undang perlindungan data tempatan yang berkenaan (iaitu PDPA) dalam melakukan demikian. Berhubung dengan ini, termasuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa organisasi penerima asing yang menerima data peribadi tersebut terikat dengan kewajipan yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk memastikan data peribadi yang dipindahkan tersebut diberikan standard perlindungan yang sekurang-kurangnya setaraf dengan perlindungan di bawah PDPA.

## 7. PEMBEKALAN DATA PERIBADI PIHAK KETIGA OLEH ANDA

---

- 7.1 Sekiranya anda membekalkan Electrolux dengan data peribadi individu selain diri anda, anda mewakili dan memberi jaminan kepada Electrolux dan anda dengan ini mengesahkan bahawa:
- (a) sebelum menzahirkan data peribadi kepada kami, anda telah mendapatkan persetujuan dari individu yang data peribadinya dizahirkan kepada kami, untuk:
    - (i) membenarkan anda untuk menzahirkan data peribadinya kepada Electrolux untuk Tujuan-Tujuan; dan
    - (ii) membenarkan Electrolux untuk mengumpul, menggunakan, menzahirkan dan/atau memproses data peribadi individu tersebut untuk Tujuan-Tujuan, seperti yang dinyatakan dalam perenggan 4 di atas;
  - (b) apa-apa data peribadi individu yang anda zahirkan kepada kami adalah tepat;
  - (c) anda bertindak bagi pihak individu tersebut secara sah dan bahawa anda diberi hak kuasa daripada individu tersebut untuk memberikan data peribadi mereka kepada Electrolux dan untuk Electrolux mengumpul, menggunakan, menzahirkan dan memproses data peribadi sedemikian untuk Tujuan-Tujuan; dan
  - (d) terma Dasar Privasi ini telah dibawa kepada perhatian mereka dan mereka bersetuju dengannya.

## 8. MENGAKSES DAN MEMBETULKAN DATA PERIBADI ANDA ATAU MENARIK BALIK PERSETUJUAN ANDA

---

- 8.1 Electrolux mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa apa-apa data peribadi yang kami kumpulkan, zahirkan dan gunakan adalah tepat dan lengkap, sekiranya data peribadi anda mungkin digunakan oleh kami untuk membuat keputusan yang menjelaskan anda, atau dizahirkan kepada organisasi lain. Walau bagaimanapun, ia adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami apa-apa perubahan kepada data peribadi anda atau jika terdapat sebarang kesilapan dalam data peribadi anda yang kami pegang. Kami tidak akan bertanggungjawab kerana bergantung pada data peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap akibat daripada kegagalan anda untuk mengemaskini dengan kami sebarang perubahan dalam data peribadi anda yang anda telah berikan kepada kami pada awalnya.
- 8.2 Tertakluk kepada pengecualian tertentu yang dibenarkan oleh undang-undang, setiap individu yang telah membekalkan data peribadi mempunyai hak untuk mendapatkan akses atau membetulkan data peribadi mereka. Atas sebab keselamatan, anda dikehendaki membuat sebarang permintaan untuk mengakses atau membetulkan data peribadi anda secara tertulis. Anda boleh mendapatkan akses atau pembetulan data peribadi anda dengan menghubungi Pegawai Perlindungan Data kami mengikut butiran yang berada di dalam perenggan 10. Kami akan memerlukan maklumat yang mencukupi daripada anda untuk memastikan identiti anda serta sifat permintaan anda, untuk menguruskan permintaan anda.
- 8.3 Electrolux mungkin mengenakan bayaran fi untuk menguruskan permintaan anda untuk mengakses data peribadi bagi menampung kos pentadbiran yang munasabah kami dan akan memaklumkan anda dalam situasi sedemikian.
- 8.4 Bagi permintaan untuk mengakses data peribadi, sebaik sahaja kami mempunyai maklumat yang mencukupi daripada anda untuk menguruskan permintaan tersebut, kami akan berusaha untuk memberikan anda data peribadi yang berkaitan dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah undang-

undang perlindungan data tempatan yang berkenaan (21 hari dalam kes PDPA). Di mana kami tidak dapat memberi maklum balas kepada anda dalam tempoh masa yang ditetapkan tersebut, kami akan memberitahu anda dalam tempoh masa yang ditetapkan tersebut, tarikh secepat mungkin yang kami boleh beri anda maklumat yang diminta. PDPA mengecualikan beberapa jenis data peribadi daripada tertakluk kepada permintaan akses anda.

- 8.5 Bagi permintaan bagi membetulkan data peribadi, sebaik sahaja kami mempunyai maklumat yang mencukupi daripada anda untuk menguruskan permintaan itu, kami akan menguruskan permintaan anda dengan mematuhi undang-undang perlindungan data tempatan yang berkenaan (iaitu PDPA), termasuk membetulkan data peribadi anda dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah undang-undang perlindungan data tempatan (21 hari dalam kes PDPA). Di mana kami tidak dapat berbuat demikian dalam tempoh masa yang ditetapkan, kami akan memberitahu anda dalam tempoh masa yang ditetapkan tersebut, tarikh secepat mungkin dalam mana kami boleh membuat pembetulan. Ambil maklum bahawa PDPA mengecualikan beberapa jenis data peribadi daripada tertakluk kepada permintaan pembetulan anda dan juga terdapat keadaan-keadaan di mana pembetulan tidak perlu dibuat oleh kami walaupun terdapat permintaan daripada anda.
- 8.6 Anda boleh menarik balik persetujuan anda untuk pengumpulan, penggunaan dan/atau penzahiran data peribadi anda di dalam simpanan kami atau di bawah kawalan kami dengan menghantar permintaan anda ke alamat e-mel yang dinyatakan di bawah. Kami akan memproses permintaan anda dalam masa yang munasabah daripada tarikh permintaan untuk menarik persetujuan dibuat, dan kemudiannya tidak akan mengumpul, menggunakan dan/atau menzahirkan data peribadi anda berdasarkan permintaan anda, kecuali sekiranya kami dibenarkan di bawah undang-undang atau undang-undang perlindungan data tempatan yang terpakai (iaitu PDPA). Walau bagaimanapun, penarikbalikan persetujuan anda boleh membawa kepada tindakan undang-undang tertentu yang timbul daripada penarikbalikan tersebut. Dalam hal ini, bergantung pada tahap persetujuan anda untuk membenarkan kami memproses data peribadi anda, ini mungkin bermaksud bahawa contohnya kami tidak lagi dapat memenuhi transaksi yang telah anda serta dengan kami atau meneruskan hubungan anda dengan kami, atau menghantar anda maklumat yang anda minta, bergantung kepada keadaan.

## 9. **BAGAIMANA ANDA BOLEH MEMBUAT ADUAN-ADUAN YANG BERKAITAN DENGAN PRIVASI**

- 9.1 Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai pengendalian atau pemprosesan data peribadi anda oleh kami atau jika anda percaya telah berlaku pelanggaran terhadap privasi anda, sila hubungi kami dengan menulis kepada kami di alamat di bawah dengan menyatakan jenis aduan anda.
- 9.2 Kami akan menyiasat aduan anda dan berusaha untuk memberi respons kepada anda dalam masa yang munasabah dari tarikh penerimaan aduan anda.

## 10. **BAGAIMANA UNTUK MENGHUBUNGI KAMI BERKENaan DENGAN DASAR PRIVASI INI**

- 10.1 Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan Dasar Privasi kami, atau jika anda ingin meminta akses atau pembetulan data peribadi anda atau menarik balik persetujuan anda, sila hubungi atau hantarkan permintaan anda kepada kami di:

### **Pegawai Perlindungan Data**

No. 28, Jalan 15/22, Taman Perindustrian Tiong Nam, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor  
**E-mel:** [malaysia.customercare@electrolux.com](mailto:malaysia.customercare@electrolux.com)

## 11. **PERKARA AM**

- 11.1 Persetujuan yang anda berikan bagi Dasar Privasi ini adalah tambahan kepada dan tidak menggantikan sebarang persetujuan lain yang anda telah berikan kepada Electrolux berkaitan dengan pemprosesan data peribadi anda.
- 11.2 Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya undang-undang perlindungan data tempatan yang berkenaan membenarkan organisasi seperti kami untuk mengumpul, menggunakan atau menzahirkan data peribadi anda tanpa persetujuan anda, kebenaran yang diberikan oleh undang-undang akan terus terpakai.

- 11.3 Selaras dengan keperluan undang-undang perlindungan data tempatan yang berkenaan (iaitu PDPA), Dasar Privasi ini dikeluarkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat konflik, ketakkonsistenan atau ketaksaan antara teks Bahasa Inggeris Dasar Privasi ini dan terjemahan bahasa lain daripadanya, teks Bahasa Inggeris akan mengatasi.

Tarikh Kemaskini: **16 October 2023**